

## **TERMA PERKHIDMATAN BAGI APLIKASI MUDAH ALIH CIMB PLUG N PAY**

### **Notis Penting**

Dengan meneruskan selanjutnya, pengguna akan dianggap setuju untuk terikat dengan terma berikut:

1. Pengguna hendaklah mematuhi dengan tegas manual semasa menggunakan aplikasi 'CIMB Plug n Pay'.
2. Tiada jaminan, secara nyata, tersirat atau berkanun, termasuk tetapi tidak terhad kepada jaminan kesesuaian untuk tujuan tertentu, pelanggaran atau kebebasan daripada virus diberikan bagi penggunaan aplikasi 'CIMB Plug n Pay'. Pengguna menggunakan aplikasi 'CIMB Plug n Pay' ini atas risiko sendiri. CIMB tidak akan pada bila-bila masa bertanggungjawab kepada pengguna atau orang lain atas kerugian dan kerosakan yang terjadi daripada gangguan atau ketiadaan atau kegagalan aplikasi 'CIMB Plug n Pay' atas apa-apa alasan termasuk kecuaiian dan kecuaiian melampau daripada pihak CIMB. Dengan ini, CIMB secara nyata menolak semua tanggungjawab dan liabiliti bagi sebarang kerugian (termasuk semua atau apa-apa kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung (kewangan atau sebaliknya) bagi apa jua bentuk, jenis dan tahap (termasuk tanpa pembatasan, sebarang kerosakan langsung, tidak langsung, istimewa, sampingan atau berbangkit, kehilangan untung atau kehilangan peluang) walaubagaimanapun berlaku.
3. CIMB boleh menganggap semua arahan yang diterima oleh CIMB daripada pengguna sebagai diberi kuasa dengan betul dan CIMB tidak ada apa-apa tanggungjawab untuk menyemak kebenaran dan kesahihan arahan tersebut.
4. CIMB tidak ada tanggungjawab untuk membatalkan atau mengubah sebarang arahan yang diberikan setelah yang sama dihantar oleh pengguna kepada CIMB. CIMB akan menggunakan semua usaha yang munasabah untuk bertindak atas pembatalan atau perubahan sebelum pelaksanaan arahan tersebut oleh CIMB, tetapi CIMB tidak akan bertanggungjawab sama sekali sekiranya pembatalan atau perubahan tersebut tidak dilakukan pada

waktunya atau tidak dapat dilakukan. Sekiranya CIMB cuba untuk membatalkan atau mengubah arahan atas permintaan pengguna, pengguna akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang atau segala kos dan perbelanjaan yang mungkin akan ditanggung oleh CIMB. Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan dianggap telah menerima atau mempunyai notis atas sebarang pembatalan atau perubahan sehingga CIMB benar-benar menerima notis pembatalan atau perubahan.

5. CIMB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang diakibatkan atau dialami oleh mana-mana orang atas alasan atau timbul daripada:

- (a) ketidakbolehan pengguna untuk melakukan sebarang transaksi kerana had yang ditetapkan oleh CIMB dari semasa ke semasa;
- (b) sebarang kesilapan, perubahan, kemusnahan arahan, data atau maklumat kepada atau daripada CIMB;
- (c) sebarang pencerobohan atau serangan daripada mana-mana orang atau pihak keatas sebarang perkakasan, perisian atau sistem;
- (d) sebarang sekatan atau larangan ke atas akses daripada sebarang undang-undang atau peraturan-peraturan mana-mana 'Plug n Pay';
- (e) sebarang kegagalan yang disebabkan oleh penyedia penyemak imbas internet atau oleh penyedia perkhidmatan internet atau ejen atau subkontraktornya;
- (f) sebarang kegagalan atau kerosakan peralatan, sistem atau perisian, sama ada milik CIMB atau sebaliknya, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana terminal elektronik, pelayan atau sistem, alat telekomunikasi (termasuk alat mudah alih telekomunikasi pengguna / alat tanpa wayar (iaitu telefon pintar dan/atau tablet), pembaca kad, sambungan, elektrik, bekalan kuasa, telekomunikasi atau rangkaian atau sistem komunikasi lain;

(g) sebarang penggunaan, penyalahgunaan, bertujuan untuk penggunaan atau penyalahgunaan, kerugian, kecurian atau penggunaan yang tidak dibenarkan ke atas sebarang nama pengguna, kata laluan atau nombor pengenalan peribadi sekali sahaja yang membolehkan pengguna mengaktifkan Pembaca Kad ("Kod Pengguna");

(h) kerosakan atau kehilangan sebarang data atau arahan atau semasa penghantarannya;

(i) sebarang penipuan, perbuatan jenayah, kesalahan atau pelanggaran undang-undang atau peraturan yang telah atau akan dilakukan; atau

(j) sebarang kegagalan pelaksanaan, sistem, pelayan atau kegagalan sambungan, kesilapan, peninggalan, gangguan, kemungkiran keselamatan, virus komputer, kod jahat, korupsi, kelewatan operasi atau penghantaran, kesalahan penghantaran atau tidak adanya akses walaupun CIMB telah diberitahu mengenai kemungkinannya.

6. Pengguna bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga kerahsiaan semua Kod Pengguna yang telah dikeluarkan kepada pengguna untuk membenarkan pengguna menggunakan aplikasi 'CIMB Plug n Pay' dan pengguna hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga yang diperlukan untuk melindungi Kod Pengguna dan mengelak kehilangan, kecurian dan penggunaan Kod Pengguna yang tidak dibenarkan dan tidak mendedahkan perkara yang sama kepada pihak ketiga. CIMB berhak mengikut budi bicara mutlaknya, untuk menyahaktifkan atau membatalkan Kod Pengguna tanpa memberikan sebab dan/atau tanpa pemberitahuan terlebih dahulu kepada pengguna dan juga menyahaktifkan atau membatalkan akses pengguna jika akses ditolak selepas sejumlah percubaan telah dilakukan menggunakan Kod Pengguna.

7. Pengguna hendaklah:-

(a) tidak menyimpan maklumat mengenai transaksi ke dalam peranti (sama ada melalui tangkapan skrin atau sebaliknya);

(b) memastikan peranti mempunyai sistem operasi yang terkini yang telah dipasang seperti yang dikehendaki untuk menjalankan aplikasi 'CIMB Plug n Pay' dan mempunyai versi yang terkini aplikasi 'CIMB Plug n Pay';

(c) tidak menggunakan sebarang peranti yang mengandungi perisian yang salah di sisi undang-undang atau sistem operasi yang bertentangan dengan lesen atau terma penggunaan sistem operasi atau perisian (iaitu perubahan sistem telefon bimbit); dan

(d) segera menghubungi CIMB untuk menghalang penggunaan sekiranya pengguna kehilangan peranti dan/atau pembaca kad dan/atau sekiranya Kod Pengguna telah dikompromikan.

8. Pengguna berakujanji untuk mengganti rugi dan menahan CIMB daripada dan terhadap apa-apa dan semua kehilangan (termasuk semua atau apa-apa kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung (kewangan atau sebaliknya) bagi apa jua bentuk, jenis dan tahap (termasuk tanpa pembatasan, sebarang kerosakan langsung, tidak langsung, istimewa, sampingan atau berbangkit, kehilangan untung atau kehilangan peluang) dialami dan ditanggung oleh CIMB, sebagai akibat daripada kegagalan pengguna untuk mematuhi terma dan/atau CIMB bertindak sesuai dengan arahan yang telah diberikan oleh pengguna.

9. Sekiranya sebarang peruntukan yang terkandung dalam terma ini dianggap sebagai salah di sisi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dilaksanakan di bawah undang-undang sedia ada atau yang akan datang, peruntukan itu akan diputuskan sepenuhnya dan Terma akan ditafsirkan dan dikuatkuasakan seolah-olah peruntukan yang salah di sisi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dilaksanakan itu bukan sebahagian dari terma ini dan baki peruntukan akan masih berkuatkuasa dan berefek sepenuhnya dan tidak dijejas oleh peruntukan yang salah di sisi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dilaksanakan atau oleh pemutusannya.

10. Pengguna bersetuju bahawa Terma hendaklah, pada setiap masa, akan ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia. Seterusnya, pengguna bersetuju untuk mengemukakan

dan terikat kepada bidang kuasa bukan eksklusif Mahkamah Malaysia.

11. Pengguna juga mengakui bahawa CIMB boleh juga mengumpul dan memproses maklumat seperti nama pengguna, alamat emel, nombor telefon bimbit dan lokasi transaksi dilakukan menerusi penggunaan aplikasi 'CIMB Plug n Pay' menggunakan isyarat Sistem Kedudukan Sejagat (GPS) yang dihantar daripada peranti pengguna atau teknologi lain seperti data sensor yang mungkin akan, sebagai contoh, menyediakan maklumat mengenai menara tele-komunikasi terdekat dan pusat akses Wi-Fi terdekat. Pengguna juga mengakui bahawa maklumat boleh menjadikan pengguna dapat dikenali secara peribadi dan bersetuju bahawa maklumat mungkin digunakan oleh CIMB dalam perkhidmatan biasa CIMB (yang mungkin akan mengandungi kegunaan untuk penguatkuasaan atau mempertahankan hak-hak CIMB, untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan, untuk meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan kami, untuk mencegah penipuan atau aktiviti yang salah di sisi undang-undang, untuk menyediakan demografi berkaitan penggunaan produk dan perkhidmatan pelanggan kami serta untuk menawarkan produk atau perkhidmatan tambahan, atas budi bicara kami) atau disediakan kepada vendor, pengiklan, sekutuan atau pihak ketiga CIMB secara agregat atau demografi bentuk.